

Koroner: Kematian 'satu kecelakaan'

Oleh **LINILIDIA ABDUL HAMID**

lini@sph.com.sg

KEMATIAN dua wanita pada April tahun lalu setelah makan rojak India yang dibeli daripada sebuah gerai di Pasar Sementara Geylang Serai telah diputuskan sebagai "satu kecelakaan".

Kedua wanita itu, Allahyarhamha Aminah Samijo dan Allahyarhamha Norani Kassim, meninggal dunia selang dua hari antara satu dengan lain (pada 6 dan 8 April 2009) setelah makan rojak dari gerai milik Encik Sheik Allaudin Mohideen, 70 tahun.

Keputusan itu bermakna Encik Sheik Allaudin tidak bertanggungjawab secara langsung ke atas kematian kedua-dua mangsa itu.

Namun, ini tidak mengetepikan tindakan sivil yang boleh diambil oleh keluarga si mati ke atas pegerai tersebut.

Semasa menyampaikan keputusannya semalam, Koroner Negara, Encik Victor Yeo, berkata walaupun beliau menyangsi tahap kebersihan gerai tersebut dan amalan kebersihan para pengendali gerai itu, beliau bagaimanapun berpuas hati daripada bukti yang dikemukakan kepadanya, kejadian keracunan makanan itu bukanlah sesuatu yang disengajakan.

"Bukti yang dikemukakan menunjukkan bahawa kes keracunan makanan ini bermula dari gerai rojak India, di Pasar Sementara Geylang Serai. Bakteria yang menyebabkan keracunan makanan pula ialah bakteria vibrio parahaemolyticus.

"Walaupun organisme yang menyebabkan keracunan makanan dapat dikenal pasti, sumber makanan yang mengandungi bakteria itu tidak dapat disahkan, memandangkan tiada sisa makanan dan contoh. Cara makanan dicemar atau mengalami pencemaran silang juga tidak dapat dipastikan," ujar Encik Yeo.

► Laporan lain 2

Tambahnya, polis juga telah menolak adanya kemungkinan berlakunya perbuatan khianat.

Tahap kesihatan Allahyarhamha Aminah dan Allahyarhamha Norani, yang dikesan menghidap penyakit kronik, telah memburukkan keadaan.

Sebelum itu, Encik Yeo menarik perhatian bahawa walaupun keterangan daripada Encik Sheik Allaudin dan para pembantu gerainya agak konsisten, beliau mempunyai tanggapan bahawa apa yang dikatakan mereka telah dilatih untuk menunjukkan bahawa mereka mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi di gerai itu.

"Cukup bagi saya catatkan bahawa saya meragui apa yang dikatakan adalah gambaran sebenar rutin harian dan operasi di gerai itu. Lebih-lebih lagi dengan keterangan daripada pegawai kesihatan kanan, Kementerian Kesihatan (MOH), Encik Abdul Rahman Osman, yang memeriksa gerai itu pada pagi 4 April 2009," ujar Encik Yeo.

Beliau juga menarik perhatian kepada penemuan sampingan kesan najis dan bakteria, yang sering ditemui di kulit manusia, di papan pemotong; serta bakteria salmonella di dulang peti sejuk yang digunakan oleh pemilik gerai itu.

Katanya, walaupun ia hanyalah penemuan sampingan, ia menunjukkan dengan jelas bahawa tahap kebersihan pengendali gerai dan gerai itu sendiri jauh daripada memuaskan.